

## **JABATAN PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN**

### **MODUL PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA**

#### **MAKLUMAT UMUM**

Nama Kursus	: Program Pendidikan Pengguna
Bil. Peserta	: 24 orang
Masa	: 2 jam
Tempat	: Makmal Latihan IT, Perpustakaan

#### **SINOPSIS KURSUS**

Kursus ini merupakan program untuk pendidikan penggunaan perpustakaan. Ianya dikendalikan oleh Perpustakaan Tuanku Bainun bagi memenuhi keperluan pengguna dalam aktiviti pencarian maklumat. Kursus ini memperkenalkan fungsi-fungsi asas perpustakaan serta kaedah mendapatkan maklumat secara berkesan.

Kursus ini terbahagi kepada 5 modul iaitu:-

- Pengenalan kepada perpustakaan,
- Kemahiran Penggunaan Infotrack,
- Kemahiran Penggunaan Pustaka Knowledge Portal,
- Kemahiran Penggunaan Pangkalan Data,
- Lawatan Berpandu di Perpustakaan.

Rangkuman modul-modul yang dipilih adalah berdasarkan kepada keperluan pengguna dalam membuat pencarian maklumat yang relevan dengan pengajaran dan pembelajaran mereka. Program ini dilaksanakan secara '*hands-on*' atau praktikal di mana peserta dikehendaki membuat sendiri pencarian maklumat berdasarkan kepada pengajaran.

#### **OBJEKTIF KURSUS**

1. Memberi pengetahuan fungsi-fungsi asas perkhidmatan, kemudahan dan koleksi perpustakaan.
2. Memberi pendedahan tentang literasi maklumat dalam bidang masing-masing dan sebagai pengetahuan asas untuk pembelajaran sepanjang hayat.
3. Memberi pendedahan kepada pengguna kaedah pencarian maklumat secara sistematik dalam mendapatkan bahan atau maklumat yang diperlukan.

## **HASIL PEMBELAJARAN (LEARNING OUTCOMES)**

1. Pengguna dapat menggunakan perkhidmatan, kemudahan dan koleksi perpustakaan dengan berkesan dan betul.
2. Pengguna dapat memahami kaedah dan strategi pencarian maklumat di perpustakaan dengan baik.
3. Pengguna dapat meningkatkan keyakinan diri dan keupayaan menggunakan perpustakaan.
4. Pengguna perpustakaan dapat menyuarakan pandangan dan memberi maklum balas tentang perkhidmatan perpustakaan.
5. Pengguna dapat mengenal pasti maklumat atau bahan yang diperlukan serta menilai sumber maklumat dengan berkesan.

## **STRATEGI**

1. Taklimat
2. Latihan Amali
3. Lawatan Berpandu

## **RUJUKAN**

1. Manual Sesi Pendidikan Pengguna
2. Buku Panduan Perpustakaan
3. Pustaka Portal Perpustakaan
4. Brosur Perpustakaan

LANGKAH	KANDUNGAN	AKTIVITI	KEMAHIRAN
<b>PERMULAAN</b>	1.1 Pengenalan kepada perpustakaan <ul style="list-style-type: none"> <li>- petunjuk koleksi</li> <li>- kemudahan</li> <li>- perkhidmatan</li> </ul>	Penerangan	Komunikasi berkesan Intonasi suara
	1.2 Pengenalan kepada program <ul style="list-style-type: none"> <li>- Infotrack</li> <li>- Pustaka Portal</li> <li>- Pangkalan Data</li> <li>- Lawatan Berpandu</li> </ul>	Penerangan Tunjuk cara Latihan amali Soal jawab	Penggunaan modul Variasi rangsangan Komunikasi berkesan
	1.3 Penerangan Lanjut		
<b>PERKEMBANGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Infotrack</b></li> <li>- OPAC</li> <li>- New Arrivals</li> <li>- Patron Enquiry</li> <li>- Suggestion Box</li> <li>- ILMU Mail</li> </ul>	Membuat penerangan tentang Infotrack <ul style="list-style-type: none"> <li>- penerangan lanjut setiap modul</li> <li>- <i>hands on</i></li> <li>- soal jawab</li> <li>- perbincangan</li> </ul>	Komunikasi interpersonal Variasi ransangan Penggunaan modul
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Pustaka Portal (Web OPAC)</b></li> <li>- pautan kepada Web OPAC</li> <li>- antaramuka Web OPAC</li> <li>- carian bahan dengan <i>leftstring</i>, <i>pattern</i> dan <i>keywords</i></li> </ul>	Membuat penerangan keseluruhan tentang Pustaka Knowledge Portal <i>Hands on</i>	Mahir dalam penggunaan Pustaka Portal Komunikasi

LANGKAH	KANDUNGAN	AKTIVITI	KEMAHIRAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- carian bahan entri pengarang</li> <li>- tempahan bahan</li> <li><b>- Pustaka Portal (My Account)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- cara login</li> <li>- login berjaya</li> <li>- <i>new arrivals</i></li> <li>- <i>reservation status</i></li> <li>- <i>patron detail enquiry</i></li> <li>- <i>view mail</i></li> <li>- <i>item request</i></li> <li>- <i>events calendar</i></li> <li>- <i>on-loan item</i></li> <li>- <i>view suggestion</i></li> <li>- <i>view receipting transaction</i></li> </ul> </li> <li><b>- Pangkalan Data</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengenalan kepada pangkalan data</li> <li>- Proquest</li> <li>- EbscoHost</li> <li>- Emerald</li> <li>- Springer Link</li> <li>- ACM Digital Library</li> <li>- NSTP e-Media</li> </ul> </li> <li><b>- Lawatan Berpandu</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aras 1               <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meja Penasihat</li> <li>2. Kaunter Sirkulasi</li> </ol> </li> </ul> </li> </ul>	<p style="text-align: center;"><i>Hands on</i></p> <p style="text-align: center;">Membuat penerangan Latihan <i>Hands on</i></p> <p style="text-align: center;">Penerangan Menunjuk contoh-contoh operasi Menunjuk lokasi</p>	<p style="text-align: center;">Komunikasi Suara Pengetahuan bidang dalam pangkalan data</p> <p style="text-align: center;">Komunikasi interpersonal</p>

LANGKAH	KANDUNGAN	AKTIVITI	KEMAHIRAN
	<p>3. Penggunaan mesin pinjaman layan diri</p> <p>4. Penggunaan mesin pemulangan layan diri Smart Drop</p> <p>5. Rak rujukan</p> <p>6. Bili karel</p> <p>7. Terminal OPAC</p> <p>- Aras 2</p> <p>1. Koleksi terbuka A-N</p> <p>2. Koleksi tesis, KPM dan Arkib Universiti</p> <p>3. Koleksi jurnal bercetak (bound / current)</p> <p>4. Makmal e-jurnal</p> <p>5. Rujukan akhbar (keratan akhbar / akhbar kebelakang)</p> <p>- Aras 3</p> <p>1. Koleksi terbuka P-Z</p> <p>2. Koleksi nadir</p> <p>3. Sudut Pasca Siswazah</p> <p>- Aras 4</p> <p>1. Bacaan ringan (Novel)</p> <p>2. Kaunter sumber media</p> <p>3. Ruang audio visual</p>		

LANGKAH	KANDUNGAN	AKTIVITI	KEMAHIRAN
<b>PENUTUP</b>	3.1 Merumuskan fungsi penting sub modul  3.2 Latihan kefahaman  3.3 Dapatkan maklum balas	Soal jawab / Kuiz/ Ujian Mengisi borang penilaian program	Menjawab soalan Mengawal pelajar